0108

U 0108 DAH

MAHATHIR-KENYATAAN Q Q Q

KUALA LUMPUR, 3 FEB (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA HARI INI BELIAU SANGAT MENGHARGAI JASA SEMUA PIHAK YANG MENDOAKANNYA AGAR SEGERA SEMBUH SELEPAS MENJALANI PEMBEDAHAN DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR BARU-BARU INI.

KATANYA, BELIAU SEKELUARGA MERASA TERHARU DAN AMAT MENGHARGAI PERASAAN SIMPATI DAN PERHATIAN BERAT YANG DITUNJUKKAN OLEH SEMUA PIHAK DAN MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH.

DALAM SATU KENYATAAN AKHBAR SELEPAS BELIAU DIBENARKAN PULANG KE RUMAH DARI HOSPITAL, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH KERANA TELAH SELAMAT MENJALANI PEMBEDAHAN ITU.

BELIAU DAN ISTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR SITI HASMAH ALI SERTA KELUARGA MERAKAMKAN PENGHARGAAN KEPADA PARA PAKAR DAN DOKTOR, JURURAWAT SERTA KAKITANGAN HOSPITAL ITU YANG TELAH MENJAYAKAN PEMBEDAHAN TERSEBUT DI SAMPING MEMBERIKAN LAYANAN YANG AMAT BAIK.

MEREKA JUGA MENJUNJUNG KASIH KEPADA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN RAJA PERMAISURI AGONG YANG TELAH BERKENAN MENGUNJUNGINYA SEMASA BELIAU DIRAWAT DI HOSPITAL ITU. -- LAGI

1222MST 03 02 89

U 0110 DAH

MAHATHIR-KENYATAAN 2 KUALA LUMPUR

MEREKA JUGA MENJUNJUNG KASIH KEPADA RAJA-RAJA DAN PERMAISURI-PERMAISURI,TENGKU-TENGKU MAHKOTA DAN RAJA-RAJA MUDA SERTA AHLI-AHLI KERABAT DI-RAJA LAIN YANG TELAH BERKENAN MENGUNJUNG DAN MENGIRIM PERUTUSAN-PERUTUSAN UCAP SELAMAT.

BERIKUT IALAH KENYATAAN PENUH PERDANA MENTERI:

+SAYA DAN KELUARGA SAYA BERSYUKUR KE HADRAT ALLAH SUBHANAHU WA TA'ALA KERANA SAYA TELAH SELAMAT MENJALANI PEMBEDAHAN BARU-BARU INI.

SAYA SERTA KELUARGA SAYA MENJUNJUNG KASIH KE BAWAH DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA YANG DI-PERTUAN AGONG DAN DULI YANG MAHA MULIA SERI PADUKA BAGINDA RAJA PERMAISURI AGONG YANG TELAH BERKENAN MENGUNJUNGI SAYA SEMASA SAYA DIRAWAT DI HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR.

KAMI JUGA MENJUNJUNG KASIH KE BAWAH DULI-DULI YANG MAHA MULIA RAJA-RAJA DAN PERMAISURI-PERMAISURI DAN KE BAWAH DULI-DULI YANG TERAMAT MULIA, TENGKU-TENGKU MAHKOTA DAN RAJA-RAJA MUDA SERTA AHLI-AHLI KERABAT DI-RAJA YANG LAIN YANG TELAH BERKENAN MENGUNJUNG DAN MENGIRIM PERUTUSAN-PERUTUSAN UCAP SELAMAT.

KAMI JUGA MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA YANG DI-PERTUA YANG DI-PERTUA NEGERI YANG TELAH MENGIRIM PERUTUSAN-PERUTUSAN UCAP SELAMAT. -- LAGI

1226MST 03 02 89

U  B112 BAH
MAHATHIR-KENYATAAN 3 KUALA LUMPUR

DI SAMPING ITU, KAMI MENGUCAPKAN TERIMA KASIH KEPADA MENTERI-MENTERI KABINET, MENTERI-MENTERI BESAR DAN KETUA-KETUA MENTERI, ORANG-ORANG KENAMAAN, PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN DAN ORANG RAMAI YANG TELAH DATANG KE HOSPITAL, MENGIRIM KAD-KAD DAN TELEGRAM-TELEGRAM UCAP SELAMAT SERTA KARANGAN BUNGA.

TERIMA KASIH KAMI JUGA KEPADA PEMBESAR-PEMBESAR NEGARA-NEGARA ASING, ORANG-ORANG KENAMAAN DAN PERSEORANGAN DARI LUAR NEGERI SERTA PARA PERWAKILAN ASING DI MALAYSIA YANG TELAH MENGHANTAR KAWAT-KAWAT UCAP SELAMAT.

KAMI JUGA SANGAT MENGHARGAI JASA SEMUA PIHAK YANG TELAH BERDOA AGAR SAYA SEGERA SEMBUH.

SAYA, ISTERI SAYA DAN KELUARGA SAYA INGIN MERAKAMKAN SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN KEPADA PAKAR-PAKAR DAN PARA DOKTOR, JURURAWAT DAN KAKITANGAN HOSPITAL BESAR KUALA LUMPUR YANG TELAH MENJAYAKAN PEMBEDAHAN TERSEBUT DAN JUGA TELAH MEMBERIKAN LAYANAN YANG AMAT BAIK.

KAMI SEKELUARGA MERASA TERHARU DAN AMAT MENGHARGAI PERASAAN SIMPATI DAN PERHATIAN BERAT YANG DITUNJUKKAN OLEH SEMUA PIHAK DAN MENGUCAPKAN BERBANYAK TERIMA KASIH.+ -- BERNAMA
1232MST 05 02 89